

Anwar kecam hipokrasi dunia melihat genosid di Palestin

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi kritikan kurangnya tindakan antarabangsa dalam menangani kekejaman terhadap rakyat Palestin di Gaza dan menggesa supaya 'mesej yang jelas' disebarluaskan bahawa genosid yang sedang berlaku perlu ditamatkan.

Beliau berkata, Israel telah melakukan pembunuhan begitu ramai, namun tidak banyak tindakan diambil pada peringkat antarabangsa mengenainya.

Beliau mengakui ramai menyuarakan pandangan mengenai 'genosid di Ukraine', namun apabila lebih 40,000 terbunuh di Palestin, mereka menganggap

sebagai 'kesan peperangan' dan menerimanya begitu sahaja.

"Ini benar-benar mengejutkan, dan saya anggap ia sebagai satu hipokrasi. Hipokrasi ini perlu ditamatkan," katanya semasa sesi soal jawab selepas menyampaikan syarahan pada perjumpaan badan pemikir di sini, kelmarin.

Terdahulu dalam hantaran di platform X, Anwar berkata: "Sebarang perkembangan bermakna ke arah keamanan perlu bermula dengan menghentikan semua tindakan ketenteraan dan keganasan terhadap rakyat Palestin oleh Israel."

Ketika menyampaikan syarahan bertajuk 'Menuju Kebang-

kitan Selatan Global: Memanfaatkan Hubungan Malaysia-India' di Sapru House, Majlis Hal Ehwal Dunia India (ICWA), Anwar berkata, Malaysia menyasarkan untuk mempelbagaikan usaha diplomasi ekonominya menerusi penyertaan dalam platform antara kerajaan seperti BRICS, selain meningkatkan kerjasama melalui inisiatif bersama dan perkongsian strategik.

Malaysia sudah mengemukakan permohonan untuk menyertai BRICS, blok kerjasama bagi ekonomi sedang pesat membangun yang ditubuhkan pada 2009 dan merangkumi Brazil, Russia,

India serta China dan disusuli penyertaan Afrika Selatan pada 2010.

Pada Januari 2024, negara seperti Iran, Mesir, Ethiopia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) turut menyertainya sebagai anggota baharu.

"Peranan India yang berbeza serta berpengaruh dalam BRICS adalah penting ketika kita menyedari bahawa hubungan dua hala yang kukuh akan meningkatkan lagi nilai signifikan terhadap dinamik perkumpulan itu," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri turut menyuarakan sokongan beliau terhadap cadangan agar le-

bih banyak perdagangan Malaysia-India menggunakan mata wang negara masing-masing.

Beliau berkata, Bank Negara Malaysia sudah bersetuju meningkatkan lagi penggunaan rupee India dan ringgit bagi pertumbuhan perdagangan dua hala sebagaimana dibuktikan menerusi kejayaan dagangan Malaysia dengan China, Thailand dan Indonesia.

"Saya memberi maklum balas yang amat positif terhadap cadangan Perdana Menteri (Narendra) Modi berkaitan keperluan untuk menggunakan mata wang tempatan," katanya.

BERNAMA